

29/08/2003

PM lancar Cruise Tasik Putrajaya esok

PUTRAJAYA: Cruise Tasik Putrajaya, perkhidmatan pengangkutan air di tasik buatan manusia itu bakal menjadi tarikan baru di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan sebagai salah satu destinasi pelancongan di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijadualkan melancarkan perkhidmatan itu Sabtu ini, serentak dengan perasmian Monumen Alaf Baru Kebangsaan, juga bertempat di Tasik Putrajaya.

Perkhidmatan yang dikendalikan oleh Betara Cemara Sdn Bhd itu dijangka beroperasi sepenuhnya pertengahan bulan depan.

Pengurus Operasi Betara Cemara, Eric Chong, berkata seni bina cruise itu unik kerana tingkap kacanya dibina memanjang hingga ke bahagian bumbung.

"Ia bagi membolehkan penumpang menikmati pemandangan indah sekitar Putrajaya apabila mengelilingi tasik," katanya ketika ditemui di pejabatnya di sini.

Betara Cemara bercadang mengenakan tiket RM30 ke atas setiap penumpang.